

BANTUAN PENGAJIAN DI PERINGKAT SIJIL/KURSUS

OBJEKTIF

Membantu meringankan beban kewangan para pelajar islam yang mendapat tawaran pada peringkat Pra (Asasi), Matrikulasi, Sijil dan Kursus masuk ke pusat pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

KEKERAPAN

Bantuan diberi maksimum 3 kali kursus yang berbeza tahap (1, 2 & 3) atau bidang kursus bagi memberi ruang dan peluang untuk memantapkan pelbagai bidang yang diceburi.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Mendapat surat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di pusat pengajian dalam negara (Peringkat Pra/Asasi/Matrikulasi/Sijil/Kursus selama tiga bulan ke atas) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 60 hari (2 bulan) termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum dari tarikh pendaftaran bagi mana-mana pelajar yang telah mendaftarkan diri di pusat pengajian.
4. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
5. Bagi pemohon yang bekerja yang tidak menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan hendaklah mengemukakan surat rasmi daripada majikan.
6. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Surat tawaran.
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.